



جَابِتِنِ مَفْتِنِ كَرِيْمِ مَعِ

قوله تعالى:

فَسَأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

Soalan :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Saya ingin bertanya, jika pakaian ada bulu kucing dan kita ambil untuk dibuang, adakah tangan dan baju perlu dibasuh. Terima kasih.

Jawapan:

وعليكم السلام ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT, selawat dan salam ke atas Nabi besar junjungan kita Muhammad SAW, keluarga, sahabatnya dan mereka-mereka yang mengikuti segala sunnah Nabi Muhammad SAW sehingga ke hari kiamat. Terima kasih kepada tuan di atas soalan yang telah diajukan kepada kami.

Tangan dan baju tuan tidak perlu dibasuh kerana bulu kucing termasuk dalam **kategori najis yang dimaafkan**. Namun dari sudut kebersihan ianya perlu dibasuh terlebih dahulu kerana dibimbangi terkena jangkitan kuman dari kucing tersebut yang boleh menyebabkan demam dan batuk serta penyakit-penyakit yang tidak diingini.

Terdapat hadis yang menyatakan mengenai kucing bukan tergolong dari haiwan yang najis iaitu dari Abu Qatadah menjelaskan bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda :

إِنَّهَا لَيْسَتْ بِنَجَسٍ، إِنَّمَا هِيَ مِنَ الطَّوَّافِينَ عَلَيْكُمْ، أَوْ الطَّوَّافَاتِ

Maksudnya : “Sesungguhnya kucing itu tidak najis kerana ia adalah binatang yang berkeliaran di sekeliling kamu.” [HR al-Tirmizi (92)]

Hal ini kerana kucing merupakan haiwan peliharaan yang berkeliaran di merata-rata tempat dan sentiasa ada bersama tuannya. Oleh itu, sukar untuk mengawal bulu-bulunya. Bulu kucing juga dikategorikan sebagai ‘*Umum al-Balwa*’ iaitu perkara kesukaran umum yang tidak dapat dihindarkan. Menurut mazhab Syafie, bulu kucing merupakan kategori najis yang dimaafkan kerana kucing adalah haiwan peliharaan yang sukar dikawal. Maka jika pakaian, badan dan tempat solat terkena bulu kucing, solat yang dilakukan hukumnya adalah sah.

Semoga maklumat yang telah disampaikan dapat memberi kefahaman yang jelas kepada tuan. Diharapkan Allah SWT juga memberikan kemudahan kepada tuan untuk beribadah kepadaNYA.

Sekian, Wassalam.

Rujukan

1. Al-Suyuti, Jalal al-Din. *Al-Ashbah Wa Al Nazair*.
2. Al-Khin, Mustofa. Al-Bugho, Mustofa. *Fiqh Manhaj Ala Mazhab Al-Imam Al-Syafie*.
3. Sunan Al-Tirmizi.